

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JSA 121 - Masyarakat Malaysia

Masa : [3 jam]

---

Jawab hanya **TIGA** (3) soalan sahaja daripada mana-mana soalan berikut. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan, hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

... 2/-

1. Negara dan masyarakat adalah dua konsep yang berbeza. Berpandukan konsep-konsep ini cuba anda bincangkan sama ada apa yang disebut sebagai masyarakat Malaysia sudah terbentuk.

(100 markah)

2. Senaraikan dan bincangkan secara kritis EMPAT daripada isu UTAMA yang telah diutarakan oleh pihak parti pembangkang di dalam pilihanraya umum Malaysia tahun 1990.

(100 markah)

3. (a) Bandingkan dari segi matlamat dan keutamaan-keutamaan yang dipertekankan di antara Rancangan Malaysia Keempat (1981 - 1985) dengan Rancangan Malaysia Kelima (1986 - 1990).

- (b) Senaraikan dasar-dasar yang telah diamalkan sepanjang tahun 1980an dan bincangkan sama ada dasar-dasar ini selaras atau bercanggah dengan matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Keempat dan Rancangan Malaysia Kelima.

(100 markah)

4. Bincangkan pengaruh faktor etnisiti di dalam kehidupan masyarakat Malaysia.

(100 markah)

5. Bincangkan kepentingan institusi kesultanan di Malaysia. Berikan komen anda mengenai isu "penglibatan istana/raja di dalam politik" yang telah ditimbulkan baru-baru ini.

(100 markah)

6. "Satu pemerintahan bangsa Melayu yang lebih besar daripada apa yang ada sekarang mungkin telah dapat diwujudkan jika tidak berlaku penjajahan Barat dirantau dunia Melayu". Bincangkan.

(100 markah)

- oooOooo -